



DR Mohd Jamil menunjukkan dokumen yang menjadi bukti kewujudan Laksamana Hang Tuah.

# 'Buang masa'

## Ujian DNA bukti Hang Tuah tidak praktikal

Nor Shafinaz Sari  
am@hmetro.com.my

### Melaka

Cadangan disuarakan beberapa pihak sebelum ini untuk melakukan ujian asid deoksiribonukleik (DNA) bagi membuktikan kewujudan Laksamana Hang Tuah dianggap sebagai membuang masa dan tenaga.

Pengerusi Institut Kajian Sejarah dan Patriotisme Malaysia (IKSEP) Prof Datuk Dr Mohd Jamil Mukmim menegaskan, kewujudan Laksamana Hang Tuah sudah terbukti melalui kajian pakar sejarah dan sastera sejak 60 tahun lalu.

Beliau berkata, berikutan itu cadangan ujian DNA untuk menentukan kebenaran kewujudan Hang Tuah yang disiarkan media sebelum ini tidak lagi perlu bagi menyokong bukti kewujudan tokoh pahlawan berkenaan.

"Tambah pula ujian DNA tidak pernah dilakukan untuk membuktikan kewujudan atau kesahihan tokoh atau pahlawan terkenal dunia yang lain daripada Empayar Greek, China dan sebagainya.

"Pelbagai seminar dan forum sudah dianjurkan termasuklah Seminar Hang Tuah Wira Alam Alam Me-

layu dan Forum Hang Tuah Memang Wujud yang hasilnya membuktikan kesahihan kewujudan pahlawan terulung Melayu itu," katanya pada sidang media Hang Tuah Memang Wujud-Kajian DNA Tidak Perlu di IKSEP, Batu Berendam di sini, semalam.

Hadir sama Pengurus Besar IKSEP Dr Mohd Nasruddin Rahman.

Menurut Mohd Jamil, selain itu, bukti menyokong kewujudan Hang Tuah bukan saja berasaskan kajian ahli sejarah negara serta sumber Melayu lain seperti Sejarah Melayu dan Hikayat Hang Tuah, tetapi juga dokumen diperoleh dari luar negara.

"Antara sumber luar negara itu diperoleh dari China seperti dokumen Ming Shi (Sejarah Dinasti Ming) iaitu hasil catatan Xin Fei, Liang Liji dan Kong Yan Zhi.

"Kisah Hang Tuah ini ditemui dalam catatan peribadi Alfonso De Albuquerque yang juga panglima Portugis yang menakluk Melaka pada 1511 selain penemuan terbaru daripada Buku Catatan Okinawa oleh Prof Emeritus Dr Hashim Musa serta Dr Rohaidah Kamaruddin terbitan Universiti Putra Malaysia (UPM) 2015," katanya.

Mohd Jamil berkata, dalam dokumen Rekidai Hoan iaitu rekod rasmi Kerajaan

Ryuku yang kini dikenali sebagai Okinawa, Jepun, menyebut sekurang-kurangnya 19 surat daripada kerajaan Ryuku diutus kepada kerajaan Melaka dan 11 surat daripada kerajaan Melaka diutus kepada kerajaan Ryukyuu pada abad ke-15.

"Dalam surat ini menyebut kisah Laksamana Melaka yang bernama Hang Tuah," katanya.

Harian Metro pada 20 April lalu melaporkan pasukan pengkaji sejarah Hang Tuah daripada Universiti Putra Malaysia (UPM) mengambil sampel DNA di setiap kubur yang dikenal pasti milik pahlawan berkenaan untuk memperoleh bukti sahih kewujudan pahlawan Melayu itu.

Bukti DNA berkenaan dipadankan dengan waris Hang Tuah yang dipercayai berada di Bintan, Indonesia dan Singapura ketika ini. Bukti berkenaan penting dalam mengukuhkan lagi kewujudan Hang Tuah adalah benar dan bukan hanya cerita dongeng masyarakat Melayu semata-mata.

Pengkaji sejarah bermenat meneruskan kajian berkaitan DNA Hang Tuah dengan mengambil sampel tulang di kubur yang didakwa milik pahlawan itu di Bintan dan Palembang, Indonesia selain Tanjung Kling, Melaka.